

# Dua pesilat kebangsaan ke peringkat suku akhir

B. Harian (M)

- 3 DEC 1990

Oleh MOHD RAHIME YUSOF

NAIB juara kejuaraan silat sedunia '90, Nazrah Abdul Latif dan Mohammad Din mencipta kejayaan cemerlang untuk mara ke suku akhir Kejuaraan Silat Terbuka Malaysia di Stadium Negara, malam tadi.

Tetapi Rohana Manaf kecundang kepada pesilat Indonesia, Dahliana dalam Kelas C.

Nazrah membuka gelanggang dalam keadaan terikat apabila Dayang Fatimah Johar memberi saingan pada dua pusingan awal.

Walaupun terhentut-hentut akibat kecederaan paha kiri pada pusingan kedua, Nazrah kembali bertenaga melepas lapan tendangan padu ke dada dan rusuk kiri Dayang Fatimah pada pusingan ketiga.

Mohammad Din pula gagal menggayakan kehebatan sebenar sekalipun mengetepikan Cambon Fanrick dari Perancis bagi Kelas D.

Kelembahan serangan dari Fanrick mencautkan kehangatan perlawanan pembukaan, malam tadi. Francik cuma berdaya memberi saingan pada pusingan pertama dan kekurangan tenaga serta pengalaman membuat

perlawanan lembab.

Pemenang pingat emas Sukan SEA '89, Agus Salim dari Indonesia menggunakan kesempatan daripada kekurangan tenaga Rongkait dari Thailand untuk berkuasa pada pusingan ketiga.

Jaguh-jaguh silat daripada sebelas negara — Austria, Australia, Belgium, Perancis, Jerman, Indonesia, Thailand, Singapura, Brunei dan Malaysia akan meneruskan cabaran jam 2 petang ini.

Sementara itu, Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, sewaktu merasmikan kejuaraan itu berharap semua tenaga pendiri silat terus mengembangkan seni mempertahankan diri hingga berjaya disenarai sebagai acara Sukan Asia dan Sukan Olimpik nanti.

Oleh itu katanya, usaha ke arah mengembangkan silat perlu ditingkatkan mulai sekarang agar ia terus maju di Eropah, Asia Barat, Asia Timur dan Amerika Syarikat.

Selain itu, Datuk Sabbaruddin meminta pihak swasta turut memberi sokongan di segi kewangan ke arah menjayakan perkembangan silat ke seluruh dunia.



- 4 DEC 1990

Sukan B. Harian (M)

**Lelaki:** Kelas A — **Shahruddin Kamaruddin (Mas A)** mn Talib Tambi (Sin); Kelas D — **M Prastyo (Ina)** mn **Mohamad Din (Mas A)**, Supin Sangampri (Tha) mn **Zakri Ibrahim (Mal B)**; Kelas E — **Kongkait (Tha)** mn **Asmalee Ali Amat (Bru - TKO)**, **Fasching Hans (Aus)** mn **Razif Yusof (Sin)**; Kelas G — **Hadi Hassan (Mas A)** mn **Supomoro (Ina)**, **Andre Mewis (Jer)** mn **Nazri Abu Samah (Mal B)**; Kelas I — **Mazlan Shaari (Mal A)** mn **Kotzian Johann (Ast)**.

**Wanita:** Kelas A — **Nazrah Latif (Mas A)** mn **Suporn Saiong (Tha)**, **Seti (Ina)** mn **Hadi Hassan (Mas B)**; Kelas C — **Dahlia (Ina)** mn **Pungpeng (Tha)**; Kelas D — **Anum Adnan (Mas A)** mn **Rosewati Mohd Ali (Sin)**, **Afyiah Haji Fadzil (Mas B)** mn **Rafeah Rashid (Sin)**.

## Pesilat

minta  
- 4 DEC 1990  
sokongan

rakan  
B. Harian (M)  
Asean

**PERSEKUTUAN** Pencak Silat Antarabangsa (Pesilat) akan meminta sokongan Majlis Olimpik setiap negara Asean supaya sukan itu dimasukkan sebagai salah satu acara Sukan SEA Manila tahun depan.

Setiausaha Persekutuan Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Rahman Hassan berkata sokongan Majlis Olimpik setiap negara itu perlu bagi meminda perlembagaan Persekutuan Sukan SEA (SGF) agar silat dapat disenaraikan pada sukan dwitahunan itu.

"Silat yang digolongkan dalam kategori sukan ketiga ditolak oleh SGF kerana perlembagaannya hanya mensyaratkan lapan acara sukan daripada kategori itu yang boleh dipertandingkan pada Sukan SEA," katanya kepada pemberita, semalam.

Lapan acara yang disenaraikan oleh jawatankuasa Pengelola Sukan SEA Manila (MAN-SOC) bagi kategori itu ialah billiard dan snuker, bina badan, karate-do, softball, skuash, taekwondo, bot tradisional dan wusu.

Kategori pertama jenis sukan yang ditetapkan oleh SGF ialah sukan yang diwajibkan seperti olahraga dan renang sementara kategori kedua ialah jenis sukan yang dipertandingkan di Olimpik atau peringkat Asia seperti sepak takraw.